

Jabatan Kebajikan pelajari Amalan 5S UMS-KAL

UB 30.11.2012 B17

LABUAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan telah mengunjungi Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) untuk mempelajari Amalan 5S di universiti itu.

Kunjungan seramai lima orang yang diketuai Rainih Kundaping pada Rabu lalu menerima sambutan daripada Jawatankuasa Induk 5S UMS-KAL.

Dalam taklimatnya, Timbalan Pengerusi 5S UMS-KAL, Baharin Entoh berkata pihak universiti sentiasa mengalu-alukan lawatan sambil belajar daripada jabatan dan agensi kerajaan untuk bertukar-tukar idea penambahbaikan Amalan Persekitaran 5S.

“Kami pun masih mendapatkan idea baru untuk menambahbaik

Amalan 5S ini di UMS-KAL,” katanya.

Rainih yang mewakili Pengarah JKM Labuan, Zulkifli Hassan, berharap melalui kunjungan singkat itu akan memberikan manfaat kepada ahli-ahli kumpulan untuk melaksanakan Amalan 5S di jabatan itu.

Rombongan Jabatan Kebajikan Masyarakat itu dibawa melawat Pejabat Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Akademik dan Perpustakaan untuk melihat sendiri pengamalan Amalan 5S dalam kalangan pegawai dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan.

UMS-KAL telah mendapat Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE / 5S) daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 26 Oktober 2011 buat pertama kali dan menerimanya sekali



NORAINI (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Rainih diperhatikan Baharin (lima kiri) dan kakitangan UMS-KAL dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Labuan.

lagi pada 23 November lalu.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Induk Amalan 5S, Noraini Samsu mengucapkan terima kasih kepada Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah,

pegawai, kakitangan dan ketua pelaksana yang sentiasa memastikan 5S diamalkan oleh warga universiti.

Turut hadir Ketua Jawatankuasa Audit, Didiroy Dickson, Setiausaha 5S, Arniwati Abas dan urusetia, Atiqah Mustapha.